

UMS antara pilihan pelajar antarabangsa

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conypearl09@gmail.com

08.09.10.2012 A5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan salah satu destinasi yang menjadi pilihan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian.

Melalui Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP) yang ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD), seramai 96 penuntut antarabangsa iaitu 95 daripada China dan seorang daripada Iraq telah mendaftar di UMS pada tahun ini.

Ketua Pegawai Operasi UMS Link Sdn Bhd (ULink), Wan Mohd Azeelan Adnan berkata, selain menawarkan program sebagai pendekatan dan strategi ULink menarik lebih ramai pelajar antarabangsa, beberapa rangkaian di luar negara turut dilantik.

"Buat masa ini, kita mempunyai sebanyak lapan rangkaian iaitu daripada China, Turki, Korea Selatan, Indonesia, Kemboja dan Timur Tengah. Melalui ajen itu, kita akan menilai dari segi pencapaian mereka melalui kajian selama enam bulan.

"Di samping itu, kita juga melihat keperluan universiti yang mengeluarkan program-program khas untuk pelajar antarabangsa," katanya pada sidang media selepas majlis sambutan dan pendaftaran pelajar antarabangsa, di sini kelmarin.

Menurut Azeelan, ISFP merupakan program persediaan yang amat penting untuk melengkapkan



PENUNTUT antarabangsa yang mengikuti program ISFP UMS.



ZAID (tengah) bersama dengan Jaafar (kanan) dan ayahnya.

penuntut antarabangsa bagi melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda.

Katanya, selain melalui kursus yang ditawarkan, pelajar juga perlu lulus dalam bahasa Inggeris sebagai prasyarat untuk masuk ke universiti.

Sementara itu, beberapa penuntut yang ditemui ketika sesi pendaftaran itu turut memberikan pelbagai reaksi mengenai program ISFP.

Salah seorang penuntut berasal dari China, Cai Wen Yu berkata ini merupakan kali pertama dia datang ke Sabah dan berasa gembira untuk belajar bahasa Inggeris di UMS.

"Saya akan menguasai bahasa Inggeris dan ini akan membantu saya untuk mencari

rakan baru," katanya.

Manakala Lee Xiang Stephen, 18, dari Luo Yang China mengatakan Sabah merupakan destinasi yang amat menarik.

"Saya suka laut dan pokok kelapa yang ada disini... semua ini memberikan pengalaman yang baru dan ini amat berbeza sekali dari kampung halamansaya," katanya sambil menambah, abangnya yang juga penuntut di UMS telah memperkenalkan universiti itu kepadanya.

"Saya akan mengikuti program Perbankan Islam selepas tamat kursus bahasa Inggeris nanti, program itu sangat menarik."

Pelajar antarabangsa daripada Iraq, Zaid Kamily yang dibantu oleh penterjemahnya



AZEELAN



LEE

Dr Jaafar Makki berkata dia merancang untuk mengambil program Bioteknologi pada peringkat Sarjana selepas tamat program asas itu.